

**Fatimah Ahmad**

- Tarikh Lahir: 15 Mei 1938.
- Asal: Wolfersan Road, Melaka.



**Pekerjaan**

- Kerani sementara di Pejabat Umno Melaka 1957.
- Kerani di Pejabat Tanah Melaka dari 1959-1962.
- Pengurus Syarikat Percetakan Delima.
- Pengarah Syarikat KOA DENKO Batu Berendam, Melaka.
- Pengerusi Syarikat KOA DENKO Batu Berendam, Melaka.

**Kerjaya Politik**

- Ahli Umno 1956.
- Setiausaha Wanita Umno Melaka 1958.
- Ketua Wanita Umno Bahagian Batu Berendam 1976-1987.
- Ketua Perhubungan Wanita Umno Melaka 1978-1980.
- Bertanding dalam Pilihan Raya DUN Bukit Rambai (Wanita Pertama di Melaka) menentang DAP dan Parti Rakyat - menang dengan majoriti 1,279 undi pada 24 Ogos 1974.
- Bertanding kali kedua DUN Bukit Rambai berlawan dengan DAP dan Pas, menang dengan majoriti 2,107 undi pada 8 Julai 1978.
- Bertanding kali ketiga di DUN Bukit Rambai. Menang tanpa bertanding.
- Dilantik Ahli Majlis Perbandaran Melaka 1977.
- Dilantik Ahli Majlis Perbandaran Melaka Tengah 1979.

**Kerja Sukarela**

- Ahli Jawatankuasa W I (Women Institute) Melaka 1965.
- Ahli Kelab Lion Antarabangsa 1977.
- Pengerusi Majlis Perhubungan Masyarakat Kawasan Dua (kawasan bandar) 1977.
- Pengerusi Persatuan Hoki Wanita Melaka 1977.
- Ahli Lembaga Pelawat Sekolah Perempuan Sungai Lereh 1975.
- Menubuhkan Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Melaka pada 23 Ogos 1975 dan menjadi pengerusi sehingga 1984.
- Menubuhkan Puteri Islam Peringkat Negeri Melaka 1977.

**Jawatan Sekarang**

- Naib Pengerusi Majlis Bekas Wakil Rakyat (Mubarak) Melaka.
- Ahli Majlis Tertinggi Mubarak Malaysia.
- Ahli Jawatankuasa Pentadbiran Rumah Anak-Anak Yatim Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj, Pantai Puteri, Melaka.

# Fatimah rela tiada kerja demi Umno

BH-21/7/2007

## Wakil rakyat wanita pertama Melaka utama perjuangan menuntut kemerdekaan



Oleh Badrul Hizar Ab Jabar

**A**LLAHYARHAM Tun Ghafar Baba adalah antara orang yang tidak kenal penat membantu Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj dalam perjuangan menuntut kemerdekaan meskipun jarak usia mereka adalah 22 tahun.

Kebetulan mereka lahir pada bulan sama iaitu Februari. Tuanku lahir pada 8 Februari 1903, manakala Ghafar pada 18 Februari 1925. Dua tahun sebelum negara mencapai kemerdekaan, Ghafar sudah menjadi Ahli Parlimen untuk kawasan Melaka Luar dan ketika itu Tunku adalah Ketua Menteri Tanah Melayu merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

"Memang sedih apabila mengenang kembali keperitan dan kesusahan yang dihadapi Tun Ghafar bersama rakan seperjuangannya dalam membantu Tunku Abdul Rahman Putra menuntut kemerdekaan negara."

Demikian kata rakan rapat Ghafar, Datuk Fatimah Ahmad, 69, seorang daripada pejuang kemerdekaan yang aktif dalam Umno sejak sebelum merdeka hingga awal 1970-an, ketika ditemui di rumahnya di Klebang Besar, Melaka, baru-baru ini.

Sepanjang perbualan dengan wakil rakyat wanita pertama di Melaka pada 1974 itu, Fatimah kelihatan begitu bersemangat menceritakan pengalaman lampau terutama ketika negara hendak mencapai kemerdekaan, seolah-olah baru semalam peristiwa itu berlaku.

Mengimbu keadaan Tanah Melayu ketika itu, Fatimah berkata, dulu hendak bayar bil telefon, elektrik dan air pun tidak ada duit, samalah juga apabila hendak pergi ke sekitar kampung untuk memberi penerangan berkaitan soal kemerdekaan.

"Tun Ghafar, Datuk Wira Borhan Md Yaman, 77 (Ketua Pemuda Umno Melaka ketika itu), dan suami saya akan berkongsi duit mengisi minyak kereta untuk mengelilingi satu Melaka dalam usaha memberi penerangan mengenai kemerdekaan.

"Melaka pula pada masa itu digelar 'Sle-

epy Hollow' berikutan kawasannya yang sunyi sepi kerana tiada orang, malah jauh sekali pembangunan. Dengan hanya RM5 ketika itu, kita boleh pusing satu negeri untuk berkempen.

"Apabila selesai melakukan tugas, kami akan singgah di kedai bagi mengalas perut dengan makan sekeping roti canai bersama air paip dan begitulah juga Tun Ghafar," kata Fatimah yang fasih berbahasa Mandarin kerana mengikuti kelas bahasa itu di Sekolah Pay Fong Jalan Tengker di Melaka.

Beliau berkata, apabila menerima tawaran kerja daripada Utusan Melayu yang akan berpindah dari Singapura ke Kuala Lumpur, Tun Ghafar terus memanggilnya lalu bertanya berapakah gaji yang diterima apabila berkhidmat dengan syarikat terbabit.

"Saya cakap gaji yang diterima RM120 dan Ghafar bertanya kembali, bukankah kau sudah berjanji untuk berkorban demi perjuangan Umno. Tun Ghafar menyuruh saya balik ke rumah dan memikirkan perkara itu sebaik-baiknya selain menasihatkan supaya terus berkhidmat dengannya.

"Keesokannya, Tun Ghafar panggil saya semula dan beliau meminta untuk terus bekerja dengannya termasuk mengeluarkan duit dari poketnya sendiri untuk bayar elaun RM40 sebulan kepada saya.

"Waktu itu 1956. Allahyarham sendiri pun tak dapat gaji, kerana dengan Umno memang tak ada duit. Kata-katanya yang saya ingat sehingga hari ini ialah "Awak tahu tak kalau awak tak mahu tolong Umno sampai bila-bila awak tak hidup senang dan kalau tolong Umno dan kita mati, anak cucu kita juga akan hidup senang kemudian hari," katanya yang mengiyakan kebenaran kata-kata itu.

Fatimah yang tidak dapat menahan sebak ketika menceritakan keperitan perjuangan pasca merdeka berkata, beliau selalu dimarahi ibunya berikutan tidak menerima jawatan di Utusan Melayu sebaliknya bekerja dengan Umno.

"Saya pekakkan telinga saja. Mungkin ibu tertekan dengan kesusahan yang dihadapi ketika itu ditambah lagi saya cuma menerima gaji RM40 berbanding RM120 ketika menerima tawaran itu.

"Baki elaun RM10 yang saya dapat daripada ehsan Tun Ghafar saya gunakan untuk beli stok kopi, teh dan gula bagi menjamu tetamu yang datang ke pejabat Umno, manakala RM30 selebihnya saya beri kepada ibu untuk perbelanjaan lima adik saya," katanya yang mendirikan rumah tangga bersama Hassan Mansur yang me-



**TINGGAL KENANGAN:** Fatimah bersama Ghafar (dua dari kanan) serta suami, Hassan (kanan) ketika menghadiri Mesyuarat Agung Umno di Kuala Lumpur, pada 1958.

inggal dunia pada 28 Februari 1996. Hassan adalah Setiausaha Umno Melaka pada 1956.

Ketika bekerja di Pejabat Umno Melaka 50 tahun lalu, Fatimah melakukan kerja menaip surat, memotong keratan akhbar dan menyediakan hidangan minuman kepada tetamu yang datang. Apabila mula menjadi Setiausaha Kaum Ibu Umno Melaka pada 1957, Fatimah sering menghadiri majlis yang turut dihadiri Allahyarham, malah menumpang keretanya.

"Saya panggil Tun Ghafar dengan panggilan cikgu, beliau sangat baik dan kalau ada kerja saya yang salah, dia tegur saya dengan baik dan ajar untuk membuat kerja dengan betul.

"Sepanjang saya kenal dan bekerja dengannya dari dulu, sikap Tun Ghafar tidak pernah berubah, daripada menjadi majikan saya sehinggalah menjadi Timbalan Perdana Menteri. Tun Ghafar juga mempunyai hubungan baik dengan peringkat akar umbi parti yang cukup dikagumi dan disenangi apabila sikap bersahajanya berjumpa dengan orang ramai, membuatkan rakyat mengagumi beliau sebagai tokoh politik berjiwa rakyat.

"Cinta beliau terhadap tanah air begitu mendalam sekali dan ini terbukti apabila menjadi ahli Umno pada 1951 dan seterusnya Pengerusi Umno Melaka ketika negara begitu bersemarak untuk menyambut kemerdekaan," katanya.

Apabila berbicara dengannya, Fatimah sering menyelitkan kiasan dan falsafah

sambil diselang-seli dengan lawak jenaka, sehingga tidak jemu walaupun hampir dua jam berbual.

Mengimbu kembali perjalanan politiknya, Fatimah mengakui kehidupan pada zamannya iaitu sebelum merdeka berbeza dengan kemewahan yang dinikmati generasi muda hari ini.

"Susah payah berjuang menuntut kemerdekaan pada masa lalu memang tidak dapat dinafikan kerana masyarakat pada zaman berkenaan tidak semewah orang sekarang.

"Saya pun pada mulanya menyertai Umno bukanlah kerana kemerdekaan tetapi diminta membantu melakukan kerja di Pejabat Umno Bahagian Melaka di nombor 47 Mail Road, Melaka (kini Jalan Temenggong) yang disewa Allahyarham Tun Ghafar yang pada ketika itu memegang jawatan sebagai Ketua Umno Bahagian Melaka, selain secara kebetulan saya juga belajar kelas menaip di bawah pejabat berkenaan.

"Dulu memang banyak kerja sebab negara begitu bersemarak untuk menyambut kemerdekaan. Orang Umno pada masa itu bukannya pandai sangat kerana yang menyertai parti adalah kalangan mereka yang bekerja sebagai petani, nelayan dan orang kampung, jadi golongan yang pandai sedikit adalah guru pada masa itu," katanya yang mengakui mungkin diri beliau masih terlalu mentah untuk memahami perjuangan kemerdekaan pada ketika itu berbanding remaja sekarang, kerana baru berusia 18 tahun.